

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 57**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan hak kebebasan media diberikan secara adil kepada blok pembangkang khususnya demi mengangkat nilai dan hak demokrasi di Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua media di Malaysia sama ada media arus perdana atau dalam talian bebas untuk menyuarakan pandangan mengenai pelbagai perkara selagi ia tidak melanggar peruntukan Perlembagaan Persekutuan, hal-hal berhubung sensitiviti agama, kaum dan keselamatan negara.

Pada masa ini, penyampaian berita dibuat melalui media cetak, elektronik dan dalam talian. Sejak akhir-akhir ini isu yang berkaitan

## **SOALAN NO: 57**

sensitiviti agama dan kaum banyak timbul di media dalam talian atau media sosial. Bagi memastikan media dalam talian tidak memaparkan berita-berita yang menyentuh sensitiviti agama dan perkauman,

Kementerian sedang menambahbaik dan mengemaskini undang-undang dan peraturan sedia ada iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (ASKM) 1998 khususnya dari segi penguatkuasaan dan pentadbiran. Kementerian telah mengadakan beberapa siri libat urus (*engagement*) dengan pihak-pihak berkepentingan dan dijangka pindaan Akta tersebut akan dibentang pada bulan Mei 2016.

Kementerian juga menggunakan pendekatan mendidik agar masyarakat sentiasa berhati-hati dan berhemah menyampaikan pandangan melalui media sosial.